

BAB |

BAB I

PENDAHULUAN

Pendahuluan

Sehingga kini sejarah telah mempamerkan bahawa dunia Islam telah dilanda dengan berbagai ancaman serangan dan tentangan daripada musuh. Tindakan mengenepikan Islam dari menerajui kepimpinan manusia merupakan satu peristiwa yang amat besar di dalam sejarah umat dan satu malapetaka yang menghancurkan kehidupan yang telah membawa berbagai-bagai bencana. Benarlah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَرْضِ وَأَنْبَخَرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لَيُذَقَّهُمْ بَعْضُ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya:

Telah timbul berbagai-bagai kerusakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Di samping itu pelbagai usaha telah dilakukan untuk meracuni pemikiran-umat Islam dengan menyogok penyelewengan fakta tentang pelbagai aspek serta

mengemukakan pelbagai aliran pemikiran dan ideologi-ideologi moden bertujuan menyesatkan umat Islam, lebih-lebih lagi mereka yang menguasai sebahagian besar media cetak dan elektronik.

Maryam Jameelah di dalam bukunya *Islam and Orientalism* telah

mengemukakan beberapa tulisan sarjana Barat yang cuba menggugat akidah orang Islam melalui artikel-artikel yang memutar belit dan merendah-rendahkan agama Islam, seperti Philip K. Hitti, Kenneth Cragg, Wlfred Cantwell Smith dan beberapa orang Orientalis lain. Contohnya Phillip K. Hitti di dalam bukunya *Islam and the West* membuat kenyataan bahawa Islam hanyalah warisan dari agama Yahudi-Kristian yang telah di arabkan dan diperkembangkan. Beliau juga menyatakan bahawa isi kandungan undang-undang Islam di dalam Al-Quran telah diubah dan ditambah oleh masyarakat Islam moden. Serangan pemikiran ini yang digunakan oleh musuh adalah satu senjata mereka yang amat berbahaya dan mampu menggugat akidah umat Islam.

Tidak kurang juga ada yang mengaku menganut Islam tetapi usaha-usaha yang dibuat adalah bertujuan untuk meruntuhkan umat Islam. Al-Quran dan hadis yang merupakan sumber perundangan Islam cuba diselewengkan serta disalahtafsirkan oleh golongan-golongan tadi yang bukan sahaja terhumban ke

dalam jahiliah, malah telah menyembah hawa nafsu selain Allah. Benarlah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qasas ayat 50:

فَإِنْ لَمْ يَسْتَجِرُوا لَكَ فَاعْلَمُ أَلَّمَا يَبْغِيُونَ أَهْوَاءَهُمْ وَمَنْ أَحْلَلُ مِئَنَ اتَّبَعَ هَوَاءً
بِغَيْرِ هُدَىٰ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya:

Kemudian kalau mereka tidak dapat menerima cabaranmu (wahai Muhammad), maka ketahuilah sesungguhnya mereka hanyalah menurut hawa nafsu mereka dan tidaklah ada yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan hidayat petunjuk dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi pimpinan kepada kaum yang zalim (yang berdegil dalam keingkarannya).

Ekoran dari kerja-kerja seperti itulah, lahirnya golongan aliran pemikiran yang mempunyai ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam yang suci. Akhirnya sedikit demi sedikit mereka berjaya memalingkan umat Islam dari memahami kehendak Al-Quran yang sebenar dan bahan-bahan bacaan terutama kitab-kitab tafsir telah mula berkurangan.

Oleh kerana itu, jika umat Islam ingin kembali ke zaman kegemilangan, mereka haruslah memahami isi Al-Quran serta melaksanakan segala tuntutannya. Benarlah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isra' ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَفْوَمُ

Maksudnya:

Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam).

Tujuan ini dapat dicapai dengan membaca dan memahami kitab-kitab tafsir Al-Quran sama ada yang berbahasa arab atau bahasa terjemahan. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, masyarakat di Malaysia kurang mengenali tokoh-tokoh penulis Islam, penterjemah dan pentafsir yang telah bersusah payah menulis tentang tafsir.

Rata-rata masyarakat Malaysia lebih menyanjungi pemimpin-pemimpin yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara dari sudut material semata-mata, malah tidak kurang juga mengenali artis-artis yang dapat menghibur mereka. Terlalu kecil bilangan mereka yang mengenali ulama-ulama dan tokoh-tokoh yang banyak menyumbang ke arah membangunkan pemikiran dan menyedarkan umat Islam.

Hasil temubual yang dilakukan oleh penulis dengan sebilangan umat Islam yang ditemui mendapati hanya 40 peratus sahaja yang mengenali kitab Tafsir

Pimpinan al-Rahman dan hanya 10 peratus sahaja yang mengenali pengarangnya iaitu Allahyarham Ustaz Sheikh Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih.

Di atas kesedaran inilah, penulis memilih tajuk ini agar dapat mengkaji tentang ketokohan beliau dan juga kitab tafsir yang telah dihasilkan iaitu Tafsir Pimpinan al-Rahman. Ini disebabkan kitab tafsir ini sering digunakan di kebanyakan majlis-majlis ilmu yang semestinya mempunyai berbagai keistimewaan yang tersendiri. Perasaan ingin tahu ini menjadi lebih mendalam lagi apabila penulis dicadangkan oleh penyelia agar membuat kajian tentangnya. Penulis juga sering didatangi dengan persoalan kenapa, bagaimana dan sejauh manakah peranan Sheikh sehingga kitab karangan beliau mendapat tempat di dalam masyarakat.

Penulis berharap kajian ini dapat membuka mata masyarakat bahawa tokoh-tokoh penulis Islam juga sebenarnya telah memberi sumbangan yang besar kepada dunia ilmu. Malah penulis berani menyatakan bahawa kitab tafsir dan hadis karangan Sheikh Abdullah Basmeih banyak membantu masyarakat memahami Islam dalam erti kata yang sebenarnya sekaligus menyumbang kepada perkembangan Islam.

1.1 Pengertian Tajuk

Tajuk Disertasi ini ialah “Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih Dalam Bidang Tafsir; Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman. Sebelum menghuraikan pengertian tajuk di atas, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan istilah-istilah yang terkandung di dalam tajuk tersebut.

“Sumbangan” bermaksud sesuatu yang diberikan sebagai bantuan dan pertolongan sama ada berbentuk tenaga, benda atau sokongan.¹ Manakala “bidang” bermaksud bahagian, lapangan atau jurusan ilmu pengetahuan dan penyelidikan yang tertentu.²

“Tafsir” dari sudut bahasa memberi makna penjelasan dan keterangan.³ Manakala dari sudut istilah pula bererti ilmu yang membicarakan tentang Al-Quran

¹ Noresah Baharom, (et.al) *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2000, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 5, hlm. 1318..

² *Ibid.*, hlm. 155.

³ Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukarram al-Anṣārī, Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, t.t., Kaherah, Dār al-Ma'ārif, jil 5, t.c., hlm 3412. (selepas ini Ibn Manzūr). Lihat juga, Ibrāhīm Muṣṭafā (et.al)., *al-Mu'jam al-Wasit*, 1985, Kaherah; Syirkat l'lānāt al-Syarqiyyat, jil. 2, cet. 3, hlm 714.

berdasarkan dalil-dalil terhadap maksud dan tujuan Allah s.w.t sekadar yang termampu oleh daya pemikiran manusia.⁴

“Kajian” pula bermaksud kegiatan atau usaha menyelidik dan meneliti dengan mendalam serta terperinci supaya dapat diketahui dan dibuat keputusan.⁵ “Khusus” pula adalah khas dan istimewa untuk seseorang atau sesuatu.⁶ Manakala “kitab” pula bermaksud buku suci yang mengandungi perkara-perkara keagamaan seperti hukum, ajaran dan lain-lain.⁷

Nama penuh bagi kitab “Tafsir Pimpinan al-Rahman ialah Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran”. Ejaan asal yang tertera di muka kulit kitab ialah “Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an” berpandukan transliterasi mengikut bunyi (ar-Rahman). Walau bagaimanapun penulis memilih untuk menulis berpandukan transliterasi mengikut huruf (al-

⁴ Muhammad 'Abd al-'Azim, al-Zarqānī, *Mañāhil 'Irfān Fī 'Ulūm Al-Qur'ān*, 1988, Beirut; Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, jil. 2, cet. 1, hlm. 4. (selepas ini al-Zarqānī).

⁵ Kamus Dewan Bahasa, *op.cit.*, hlm. 560.

⁶ *Ibid.*, hlm. 675.

⁷ *Ibid.*, hlm. 686.

Rahman) sebagai penyelarasan dari awal hingga akhir. Penulis tidak mentransliterasikan kalimah "Al-Quran" seperti yang telah terdapat di muka kulit kitab. Begitu juga perkataan al-Rahman, kerana kedua-duanya (perkataan Al-Quran dan al-Rahman) telah terdapat di dalam Kamus Dewan.

Dengan huraian beberapa istilah yang terkandung dalam tajuk disertasi ini, jelaslah objektif kajian penulis. Di samping menjelaskan fakta-fakta penting tentang latar belakang kehidupan Sheikh Abdullah Basmeih serta ketokohan dan kewibawaan beliau, penulis juga akan menghuraikan sumbangan-sumbangan yang telah diberi olehnya dalam usaha untuk memperkayakan khazanah ilmu Islam dan membangunkan pemikiran ummah khususnya dalam bidang tafsir. Seterusnya penulis akan membuat kajian khusus terhadap kitab tafsir Pimpinan al-Rahman.

1.2 Kandungan Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab iaitu:

(Bab I) Pendahuluan yang menghuraikan secara ringkas tentang pengenalan yang merangkumi pengertian tajuk, skop kajian, tujuan dan metodologi penyelidikan.

(Bab II) Mengandungi huraian tentang tafsir yang merangkumi definisi, kedudukan serta sejarah perkembangan tafsir bermula dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga sekarang termasuklah huraian tentang perkembangan penulisan tafsir di Malaysia.

(Bab III) Menceritakan dengan terperinci riwayat hidup Sheikh Abdullah Basmeih yang merangkumi asal keturunan, keluarga, latar belakang pendidikan dan hobinya sehingga menjadi seorang penulis Islam yang dikagumi. Di samping memperincikan kegiatan-kegiatan penulisan yang diceburi oleh beliau yang telah memberi sumbangan kepada penulisan Islam dengan menyentuh bidang tafsir secara khusus dan beberapa bidang yang lain.

(Bab IV) Mengkaji secara khusus kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman yang merupakan sumbangan terbesar beliau dalam bidang tafsir.

(Bab V) Penutup yang merupakan beberapa kesimpulan berdasarkan kajian di dalam bab-bab terdahulu juga saranan-saranan sebagai cadangan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

1.3 Tujuan Penyelidikan

Penulis memilih dan membuat kajian mengenai tajuk ini berdasarkan beberapa tujuan berikut:

1. Sebagai salah satu langkah untuk memperkenalkan kepada umum tentang ketokohan dan sumbangan Sheikh Abdullah terhadap penulisan Islam terutama dalam bidang tafsir.
2. Menjelaskan fakta-fakta penting latar belakang hidup Sheikh sehingga menjadikan beliau salah seorang penulis dan ulama yang dikagumi. Di samping mencungkil kembali segala usaha dan sumbangan beliau dalam memperkayakan khazanah ilmu dan membina pemikiran umat Islam.
3. Mengupas secara terperinci beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman yang merangkumi peringkat-peringkat penulisan, metodologi dan kedudukannya serta penggunaannya di dalam masyarakat. Kedudukan itu dapat dilihat melalui kajian terhadap sejarah perkembangan tafsir dan penulisannya.

4. Sebagai satu bahan sejarah umum untuk generasi yang akan datang agar ianya tidak tenggelam ditelan zaman. Pentingnya kajian ini dibuat memandangkan sejarah Sheikh menjadi semakin penting dan masyarakat kurang mengambil berat tentangnya. Dengan cara ini sedikit sebanyak masyarakat akan sedar kepentingannya dan secara tidak langsung ianya akan menjadi contoh kepada umum.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada tiga skop:

1. Sejarah perkembangan tafsir yang bermula dari zaman Rasulullah s.a.w., penulisan kitab-kitab tafsir di Malaysia serta tokoh-tokohnya. Memandangkan bilangan tokoh di sini tidak kurang ramainya, maka penulis menumpukan kajian kepada salah seorang daripada mereka iaitu Sheikh Abdullah Basmeih.
2. Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih dalam bidang tafsir secara khusus di samping bidang-bidang lain secara umum.
3. Perkara-perkara pokok yang terdapat di dalam kitab tafsir Pimpinan al-Rahman sama ada dari segi peringkat-peringkat penulisan, metodologinya dan juga kedudukan kitab tersebut dalam masyarakat.

1.5 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis telah dibentuk untuk menjadi landasan kajian, antaranya:-

- 1) Kemunduran dan keruntuhan umat Islam berpunca daripada kurang kefahaman mereka terhadap isi kandungan Al-Quran.
- 2) Kitab-kitab tafsir dan terjemahan Al-Quran yang berbahasa Melayu masih terlalu kurang.
- 3) Sheikh Abdullah Basmeih dikenali oleh majoriti umat Islam yang mengkaji tafsir dan membaca terjemahan Al-Quran.
- 4) Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman mendapat sambutan dari masyarakat Islam kerana bahasanya yang senang dan mudah difahami.

1.6 Kajian-kajian Lepas

Setakat pengetahuan dan kajian penulis, belum ada kajian seumpama ini yang telah dilakukan oleh mana-mana pihak. Walaupun penulis mendapat tahu ada latihan ilmiah yang telah ditulis oleh salah seorang siswi di UKM mengenai hasil-hasil karyanya, namun begitu penulis tidak dapat mengesannya sama ada melalui keluarga Sheikh atau Perpustakaan UKM.

Begitu juga dengan sebuah artikel yang telah ditulis oleh anak saudara Sheikh iaitu Siti Normahdiah Sheikh Said yang bertajuk "Sheikh Abdullah Basmeih Penulis Islam". Walaupun penulis mendapat faedah darinya, namun petikan-petikan yang termuat di dalamnya belum mencukupi dan sebahagian maklumat tersebut perlu diperbetulkan terlebih dahulu dengan pihak keluarganya. Begitu juga dengan artikel-artikel yang tersiar di majalah-majalah dan akhbar-akhbar, kesemuanya perlu dirujuk terlebih dahulu dengan ahli keluarga beliau. Oleh sebab itulah, kebanyakan maklumat dalam kajian ini tentang Abdullah Basmeih diperolehi melalui wawancara yang diadakan dengan keluarganya dan juga melalui keratan-keratan akhbar yang disimpan oleh Sheikh dan diperakui kebenarannya oleh beliau sendiri.

Selain daripada itu, untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah perkembangan penulisan tafsir di Malaysia, penulis juga menghadapi kesulitan mendapatkan bahan-bahannya. Hanya satu tesis sahaja yang menghuraikannya dengan panjang lebar. Maklumat mengenai kitab kajian hanya sedikit sahaja diperolehi. Walau bagaimanapun tesis ini sedikit banyak membantu penulis menjalankan kajian terutama dalam bab II.

1.7 Metodologi Penyelidikan

Dalam usaha mengkaji, menyusun dan merumus masalah, penulis menggunakan dua metode iaitu:

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data digunakan untuk memperolehi dan mengumpul maklumat serta fakta penyelidikan. Dalam tujuan ini, penulis telah melakukan dua bentuk kajian iaitu:-

1.7.1.1 Kajian Perpustakaan

Penulis menggunakan Metode Dokumentasi dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan persoalan perbincangan. Data-data tersebut diperolehi daripada buku-buku, fail, risalah, majalah, keratan akhbar sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu. Kebanyakan dokumen diperolehi dari perpustakaan-perustakaan, Bahagian Penerbitan Pusat Islam dan juga responden-responden yang ditemui. Metode ini digunakan bagi mendapat data-data mengenai latar belakang masalah tajuk, kedudukan dan metodologi tafsir serta hasil karya Sheikh Abdullah Basmeih. Selain dari dokumentasi, penulis juga menggunakan metode Historis bagi mendapatkan data-data mengenai sejarah tafsir serta

perkembangannya, latar belakang tokoh-tokoh tafsir serta sumbangan-sumbangan mereka. Selain daripada itu, data-data perbandingan di antara kitab kajian penulis dengan beberapa buah kitab lain turut diambil dari bahan bacaan tersebut. Perbandingan adalah bertujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan di antaranya. Di samping itu, penulis menggunakan kajian teks terutamanya semasa mengkaji kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman dengan membuat analisis kandungannya.

1.7.1.2 Kajian Lapangan

Penulis telah mengadakan temubual atau wawancara dengan beberapa responden bagi mendapatkan data mengenai objek-objek penelitian:-

- 1) Menemubual beberapa orang ahli keluarga Sheikh untuk mendapatkan data-data seperti asal keturunan tokoh kajian, latar belakang kehidupan, pendidikan, minat, hubungan kemasyarakatan dan sebagainya.

- 2) Wawancara dengan beberapa orang pegawai di Pusat Islam untuk mengetahui sejauh mana usaha dan penglibatan Sheikh Abdullah-Basmeih dalam bidang penulisan.

Selain daripada itu di dalam kajian lapangan juga, penulis turut menggunakan metode observasi bagi melengkapkan data-data yang diperolehi melalui penggunaan metode-metode yang lain iaitu dengan melakukan penelitian terhadap reaksi responden melalui gaya percakapan dan mimik mukanya.

- 3) Wawancara secara tidak langsung juga diadakan dengan segolongan pelajar, penerbit buku-buku, golongan remaja, mahasiswa dan sebagainya untuk mengetahui sejauh mana keperihatinan masyarakat terhadap nama kitab-kitab terjemahan Al-Quran serta tokoh-tokoh penulis Islam. Nama-nama mereka tidak dicatat di dalam kajian ini.

1.7.2 Metode Analisis Data

Setelah segala data yang diperlukan terkumpul melalui metode-metode yang dinyatakan, penulis mula mengolah dan menganalisis data-data tersebut.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, umat Islam perlu kembali kepada Al-Quran dengan memahami segala isi kandungannya melalui pembacaan dan pengkajian terhadap kitab-kitab tafsir jika mereka ingin melihat sekali lagi Islam memerintah dunia ini.

Oleh kerana itu dalam bab yang akan datang, penulis akan menghuraikan tentang kedudukan dan kelebihan ilmu tafsir serta perkembangannya semenjak zaman

Rasulullah s.a.w.